



Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Kaunseling *SoF-Ea* (*Solution Focused Brief-Expressive Arts*) Terhadap Penyesuaian Pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG)

Tengku Norhani Tengku Besar¹, Nor Shafrin Ahmad¹ & Shahabuddin Hashim¹
¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

Article Info

Received:
29 Oktober 2020

Accepted:
19 February 2021

Publish
01 April 2021

E-mail address:

*Corresponding Author:
tengkunorhani77@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan Modul Kaunseling SoF-Ea yang mengandungi tujuh sesi kaunseling. Data bagi kesahan dan kebolehpercayaan modul diperoleh daripada tinjauan yang menggunakan tiga borang soal selidik iaitu soal selidik kesahan kandungan modul, soal selidik kesahan kandungan kesesuaian sesi dan aktiviti, serta soal selidik menilai kebolehpercayaan modul. Seramai 10 orang pakar berpengalaman dalam bidang pembinaan modul, kaunseling, terapi seni, terapi fokus penyelesaian dan psikologi terlibat dalam penilaian kesahan modul. Manakala seramai 30 orang pelajar PPISMP di IPG dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan bagi menilai kebolehpercayaan modul. Data kajian rintis dianalisis menggunakan Alpha Cronbach dan data penilaian pakar dianalisis menggunakan peratusan. Analisis dapatan penilaian pakar menunjukkan Modul Kaunseling SoF-Ea mempunyai kesahan kandungan keseluruhan yang tinggi iaitu .88 > .70 peratus dan .84 > .70 peratus bagi kesahan kandungan sesi dan aktiviti modul. Analisis kebolehpercayaan Alpha Cronbach pula menunjukkan modul mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .87 > .70. Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa Modul Kaunseling SoF-Ea mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan sedia untuk digunakan oleh kaunselor di Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk membantu meningkatkan penyesuaian diri pelajar dalam fasa transisi mereka di IPG.

Keyword: Kesahan, Kebolehpercayaan, Terapi Seni, Terapi Brief Fokus Penyelesaian, Penyesuaian, Institut Pendidikan Guru

Pengenalan

Fasa transisi dari sekolah menengah ke institut pengajian tinggi merupakan fasa yang mencabar bagi pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran dan budaya akademik yang baharu. Keupayaan pelajar membuat penyesuaian pada fasa ini, memainkan peranan penting dalam menentukan kesejahteraan pelajar sepanjang berada di institut pengajian tinggi bahkan penentu pelajar dapat menamatkan pengajian. Keupayaan pelajar menyesuaikan diri dapat dilihat

melalui cara mereka berhadapan dengan cabaran, tahap kesejahteraan diri dan mempunyai perapatan dengan institusi pengajian. Selain itu, penyesuaian pelajar juga dapat dilihat melalui sikap terhadap kursus yang diikuti, penglibatan pelajar dalam pembelajaran, usaha yang dilakukan semasa belajar dan prestasi akademik (Julia & Veni, 2012). Pelajar yang dapat menyesuaikan diri dapat melibatkan diri sepenuhnya dalam pembelajaran dan mempunyai motivasi tinggi untuk menyiapkan tugas akademik serta meraih gred pencapaian yang baik dalam pelajaran. Namun, bagi pelajar yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik yang baharu pada fasa transisi menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dan cenderung memperoleh gred yang rendah.

Selain itu, proses penyesuaian dengan kehidupan baharu di institut pengajian tinggi turut melibatkan proses psikologi untuk menyesuaikan diri, menangani cabaran dan mengurus pelbagai isu seperti sosial, peribadi-emosi dan komitmen institusi (Nyamayaro & Saravanan, 2013). Hal ini kerana transisi pelajar daripada sekolah ke institut pengajian tinggi memberi tekanan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, keupayaan pelajar untuk menangani cabaran ini adalah berdasarkan kemampuan mereka menyesuaikan diri pada fasa transisi. Pelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan baik kurang berhadapan dengan tekanan dalam menempuhi fasa transisi. Sebaliknya, bagi pelajar yang tidak dapat menyesuaikan diri akan berhadapan dengan isu akademik, sosial, emosi dan institusi. Transisi adalah proses menyesuaikan diri terhadap situasi baharu yang mengambil masa dan setelah selesai akan menghasilkan kejayaan penyesuaian terhadap situasi baharu (Dawborn-Gundlach, 2015). Transisi ke institusi pengajian tinggi sangat kompleks kerana pelajar bukan sahaja menghadapi cabaran untuk memasuki IPT, akademik dan budaya sosial IPT tetapi juga pelajar perlu berhadapan dengan identiti peribadi mereka (Measor et.al, 2012). Hal ini kerana transisi dari sekolah menengah ke institut pengajian tinggi melibatkan pembinaan pemahaman tentang persekitaran baharu dan cara persekitaran baharu berfungsi. Pelajar yang mempunyai kemahiran dan kepercayaan bahawa mereka dapat berfungsi dalam persekitaran baharu dan memahami budaya baharu selalunya cenderung berjaya membuat penyesuaian (Margetts, 2005).

Di Malaysia, pelajar juga terkesan dengan cabaran pada fasa transisi. Masalah penyesuaian bukan sahaja berlaku kepada pelajar tahun pertama di universiti (Aminah et.al, 2017) malahan pelajar tahun pertama di Institut Pendidikan Guru (IPG) juga turut berhadapan dengan cabaran penyesuaian hingga memberi kesan terhadap pencapaian akademik (Nor Hashimah, et.al 2015). Selain itu, kajian Tengku Norhani, Nor Shafrin dan Shahabuddin (2020) terhadap 364 orang pelajar tahun pertama PPISMP di 14 buah IPG di Malaysia mendapati bahawa seramai 54 orang atau 14.8peratus berada pada tahap rendah manakala 72 orang atau 19.8peratus mempunyai tahap penyesuaian sosial yang rendah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masalah penyesuaian turut berlaku dalam kalangan pelajar tahun pertama PPISMP di IPG. Justeru, bagi mengekalkan kualiti pelajar seperti yang ditekankan dalam Pelan Strategik Transformasi IPG (2017) maka perlunya intervensi khusus bagi membantu pelajar yang mempunyai tahap penyesuaian yang rendah pada fasa transisi. Hal ini kerana pelajar yang berupaya menyesuaikan diri dengan cepat pada fasa transisi dapat memberi fokus yang lebih baik terhadap persekitaran akademik baharu seperti menghadiri kuliah pada masa yang ditetapkan, menyiapkan tugas akademik dan memperoleh gred pencapaian akademik yang baik.

Selama lima dekad yang lalu, banyak kajian telah dilakukan mengenai penyesuaian pelajar di universiti dan kolej sama ada di Malaysia atau antarabangsa. Di Malaysia, kajian mengenai pembinaan intervensi kaunseling untuk masalah penyesuaian universiti dilakukan oleh Noor Azniza (2005) dengan menerapkan pendekatan kaunseling ringkas. Walau bagaimanapun, sampel kajian adalah terhad kepada pelajar universiti. Selain itu, kebanyakan kaunselor mengaplikasi sesi kaunseling secara konvensional dan tiada pembinaan serta pelaksanaan modul

yang bertujuan untuk mengurangkan masalah penyesuaian pelajar tahun pertama, terutamanya modul yang telah menjalani penyelidikan ilmiah (Tengku Norhani & Nor Shafrin, 2019). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menenal pasti kesahan kandungan keseluruhan Modul Kaunseling *SoF-Ea*.
2. Menenal pasti kesahan kandungan setiap sesi dalam Modul *SoF-Ea*.
3. Menenal pasti kebolehpercayaan Modul *SoF-Ea*.

Tinjauan Literatur

Kajian berkaitan penyesuaian pelajar tahun pertama di institut pengajian tinggi bukan satu isu baru di peringkat antarabangsa mahupun di Malaysia. Beberapa kajian berkaitan penyesuaian telah pun dilakukan. Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas berkaitan pembinaan modul dan pengujian modul sebagai intervensi masalah penyesuaian didapati amat berkurangan. Kajian-kajian lalu banyak melihat faktor yang mempengaruhi penyesuaian pelajar seperti strategi daya tindak (Cousins et.al, 2015). Strategi daya tindak merupakan satu cara pelajar beradaptasi terhadap desakan biologi, emosi dan tekanan sosial. Selain itu, gaya keibubapaan juga turut memainkan peranan dalam menentukan keupayaan pelajar untuk membuat penyesuaian. Sokongan ibubapa pada fasa transisi dapat memberi motivasi kepada pelajar dalam proses menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu (Darlow et.al, 2017) di institut pengajian tinggi. Di samping itu, stres atau tekanan juga merupakan faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu (Ashwini & Barre, 2014). Proses memahami persekitaran baharu seperti persekitaran akademik, sosial dan institusi yang berbeza dengan persekitaran semasa di sekolah sudah tentu mengakibatkan rasa tertekan. Walau bagaimanapun, tekanan ini dapat dikurangkan sekiranya pelajar mendapat bimbingan dan sokongan institusi dalam usaha membantu pelajar membuat penyesuaian.

Di Malaysia, kajian pembinaan modul kaunseling untuk salah penyesuaian pelajar di universiti telah dilaksanakan oleh Noor Azniza (2005) dengan mengaplikasi pendekatan kelompok singkat (*brief counselling*). Walau bagaimanapun, kajian ini berfokus kepada pelajar universiti dan tidak dapat digeneralisasikan kepada pelajar di institut pengajian tinggi lain. Lebih-lebih lagi, pelajar di institut pendidikan guru mempunyai struktur pengajian yang berbeza dengan pelajar di universiti. Selain itu, kajian membina model berasaskan penyesuaian pelajar di institut pendidikan guru telah dilaksanakan oleh Nor Hashimah (2016). Namun, kajian ini hanya berfokus kepada model transisi dan tidak menyediakan intervensi untuk menangani masalah penyesuaian pelajar di institut pendidikan guru.

Bagi mendepani era globalisasi ini, perlunya satu intervensi kreatif dalam proses kaunseling. Integrasi pendekatan Terapi Brief Fokus Penyelesaian dan Terapi Seni berupaya memberi peluang kepada remaja berkreatif (Riley, 1999) semasa sesi kaunseling dilaksanakan tanpa berasa terancam dan selamat. Selain itu, aplikasi pendekatan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dan Terapi Seni dapat mengurangkan kebimbangan dan tekanan yang dihadapi pelajar (Moosa, Koorankot & Nigesh, 2017). Menurut Quan et.al, (2014), pelajar yang mempunyai masalah penyesuaian cenderung mempunyai masalah emosi seperti pengasingan, kesunyian, tekanan dan kemurungan. Selain itu, melalui pendekatan tersebut juga dapat membantu pelajar meningkatkan kesejahteraan diri dan meningkatkan penyesuaian pelajar secara keseluruhannya (Dastbaz, 2014). Di samping itu, aplikasi terapi seni juga dapat mengurangkan kebimbangan pelajar terhadap proses penyesuaian dalam fasa transisi (Mcdonough, 2008). Daripada bacaan dapatan kajian lalu membuktikan bahawa aplikasi pendekatan Terapi Brief Fokus Penyelesaian dan Terapi Seni berupaya membantu meningkatkan penyesuaian pelajar. Pelajar dibantu dalam isu penyesuaian dengan secara yang sistematik, segera serta menggunakan elemen kreatif dalam

terapi seni. Elemen seni yang melibatkan penggunaan lukisan, *storytelling*, arca, dan kolaj didapati dapat menarik perhatian serta penglibatan pelajar dalam usaha meningkatkan proses penyesuaian diri.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif bagi mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan Modul Kaunseling *SoF-Ea (Solution Focused Brief-Expressive Arts)*. Fokus utama adalah untuk mendapat nilai kesahan modul melalui respons bertulis oleh sekumpulan 10 orang pakar dan nilai kebolehpercayaan melalui respon secara bertulis daripada sekumpulan 30 orang pelajar tahun pertama di IPG.

Peserta Kajian

Kesahan kandungan modul ditentukan melalui penilaian konsensus pakar yang terdiri daripada sepuluh pakar yang dilantik berdasarkan kriteria seperti pengalaman dalam pembinaan modul, kaunseling *brief*, terapi seni dan psikologi. Enam daripada pakar tersebut dilantik dalam kalangan pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS). Sementara itu, empat pakar lain dilantik dalam kalangan pensyarah dan pengamal kaunseling di Institut Pendidikan Guru. Kebolehpercayaan modul diperoleh melalui soal selidik yang dijawab oleh pelajar. Sampel yang terlibat dalam menentukan kebolehpercayaan modul terdiri daripada 30 pelajar semester pertama Institut Pendidikan Guru. Sampel dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Jumlah sampel mencukupi menurut pendapat Kerlinger (1973) iaitu jumlah subjek adalah sebahagian kecil daripada populasi yang akan dikaji untuk menguji kebolehpercayaan instrumen.

Prosedur Kajian

Kebenaran untuk menjalankan kajian diperoleh daripada Bahagian Pendidikan, Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM. Langkah pertama, penyelidik menyiapkan tiga set soal selidik untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan modul. Seterusnya, penyelidik mengenal pasti 10 pakar untuk menilai kesahan modul. Draf lengkap Modul Kaunseling *SoF-Ea* berserta salinan soal selidik kesahan kandungan dan surat janji temu telah dihantar kepada semua pakar yang dilantik. Sementara itu, 30 orang pelajar tahun pertama di institut pendidikan guru dipilih untuk menilai kebolehpercayaan modul semasa ujian rintis. Akhirnya, penyelidik menganalisis dapatan soal selidik untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan modul.

Alat Ukur Menguji Kesahan Kandungan dan Kebolehpercayaan

Tiga set soal selidik telah digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik kesahan keseluruhan kandungan, soal selidik kesahan setiap sesi dan aktiviti modul dan soal selidik kebolehpercayaan. Bagi kesahan kandungan, soal selidik digunakan merupakan soal selidik yang diubahsuai daripada Jamaludin (2002) yang diadaptasi daripada Russell (1974). Soal selidik terdiri daripada lima item iaitu kandungan modul sesuai untuk populasi yang disasarkan, kandungan modul dapat dilaksanakan dengan jayanya, isi modul sesuai dengan masa yang diperuntukkan, kandungan modul dapat meningkatkan tahap penyesuaian pelajar dan kandungan modul dapat mengubah sikap pelajar kepada sikap yang lebih positif. Pilihan jawapan diletakkan dalam bentuk skala Likert lima mata iaitu (5) sangat setuju, (4) setuju, (3) tidak pasti, (2) tidak setuju, dan (1) sangat tidak setuju. Soal selidik kesahan kandungan untuk setiap sesi dan aktiviti modul menggunakan format yang dikemukakan oleh Mohamad Aziz Shah (2010). Soal selidik diubah

mengikuti keperluan iaitu berdasarkan tujuh sesi yang terdapat dalam modul. Soal selidik ini menggunakan skala 0 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju).

Skor yang diperoleh daripada pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan 100. Sesuatu modul itu mempunyai kesahan yang tinggi apabila memperoleh 70 peratus dan dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi (Sidek & Jamaludin, 2005). Berikut ialah formula pengiraan:

$$\frac{\text{Jumlah skor pakar (x)}}{\text{Jumlah skor sebenar (y)}} \times 100\% = \text{Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan}$$

Analisis data

Data dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai peratusan konsensus pakar dan pekali kesahan kandungan. Penentuan sama ada kesahan kandungan adalah baik atau tidak berdasarkan kepada pendapat Waheed (1981), dan Sidek dan Jamaludin (2005), yang menyatakan bahawa pencapaian 70 peratus ke atas dianggap tinggi. Sebaliknya, skor di bawah 70 peratus menunjukkan bahawa kesahan kandungan kurang baik. Pakar juga memberikan pendapat dan komen mereka untuk meningkatkan lagi kandungan modul. Sementara itu, bagi kebolehpercayaan modul, nilai pekali *Alpha Cronbach* digunakan. Pekali alpha yang mendekati angka 1.00 menunjukkan bahawa item dalam skala mengukur perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan bahawa item ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Cohen, 2005). Hair et.al (2006) mencadangkan bahawa kebolehpercayaan pengukuran diukur dengan menggunakan pekali *Alpha Cronbach*, dengan skala pengukuran yang lebih dari 0.70. Sementara Mohd Majid (2004) mencadangkan bahawa tahap *Alpha Cronbach* 0.60 dan ke atas, mempunyai kebolehpercayaan nilai α yang tinggi.

Ringkasan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok SoF-Ea

Modul Kaunseling *SoF-Ea* ini dibina berdasarkan gabungan tiga asas teoritikal iaitu Terapi *Brief Fokus Penyelesaian*, Terapi Seni dan empat faktor yang mempengaruhi keupayaan seseorang menangani perubahan berdasarkan Teori Transisi Schlossberg (1981) iaitu situasi, diri, sokongan dan strategi. Kandungan Modul Kaunseling *SoF-Ea* untuk penyesuaian pelajar ini terdiri daripada tujuh sesi seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Ringkasan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok SoF-Ea

Sesi	Aktiviti	Objektif
1	Teroka Diri	Meneroka perkara atau situasi yang difikirkan pelajar sekarang.
2	Penyesuaian Diri	Mengenal pasti masalah penyesuaian yang mengganggu pelajar di kampus.
3	Matlamat Diri	Menetapkan tujuan untuk perubahan penyesuaian dan mengenal pasti tindakan yang diperlukan oleh pelajar.
4	Strategi Diri	Mengenal pasti tindakan yang telah dilakukan dan tindakan yang belum dilakukan untuk perubahan menyesuaikan diri.
5	Mantap Diri	Mengenal pasti halangan dan sumber kekuatan yang ada oleh pelajar untuk menyesuaikan diri.
6	Kuasai Diri	Menghargai usaha dan tindakan yang telah dilakukan ke arah perubahan menyesuaikan diri yang lebih baik.
7	Diri Yang Baharu	Meraikan diri mereka yang baru iaitu berupaya menangani cabaran penyesuaian.

Dapatan dan Perbincangan

Kesahan Kandungan Keseluruhan Modul Kaunseling SoF-Ea

Dapatan kajian kesahan modul yang dilakukan oleh pakar dengan menggunakan soal selidik yang dibina oleh Jamaludin (2005) diadaptasi daripada Russell (1974). Hasil daripada penilaian pakar, nilai kesahan bagi keseluruhan kandungan modul SoF-Ea dapat dilihat dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Kesahan Kandungan Keseluruhan Modul Kaunseling SoF-Ea

Pernyataan bagi Modul SoF-Ea yang dinilai	Peratusan	Pandangan Pakar
Kandungan modul ini menepati sasaran populasi	92	Diterima.
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	86	Diterima.
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	90	Diterima.
Kandungan modul ini boleh meningkatkan tahap penyesuaian pelajar	88	Diterima.
Kandungan modul ini boleh membantu mengubah sikap pelajar kepada yang lebih positif.	86	Diterima.
Keseluruhan	88.4	

Jadual 2 menunjukkan nilai peratusan minimum ialah 86 peratus bagi pernyataan kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna dan kandungan modul ini boleh membantu mengubah sikap pelajar kepada lebih positif. Peratusan maksimum ialah 92 peratus bagi pernyataan kandungan modul ini menepati sasaran populasi. Secara keseluruhannya dapatan ini menunjukkan kandungan Modul Kaunseling SoF-Ea ini adalah bertepatan dan bersesuaian dengan nilai 88.4 peratus iaitu melebihi 70 peratus seperti dinyatakan oleh Sidek dan Jamaludin (2005).

Kesahan Kandungan Setiap Sesi dan Aktiviti Modul Kaunseling SoF-Ea

Penilaian kesahan kandungan bagi sesi dan aktiviti modul menggunakan soal selidik yang telah diubahsuai oleh Mohamad Aziz Shah (2010). Jadual 3 menunjukkan dapatan penilaian pakar seperti berikut:

Jadual 3 Kesahan Kandungan Setiap Sesi dan Aktiviti Modul Kaunseling SoF-Ea

Sesi/Aktiviti	Peratusan	Pandangan Pakar
Sesi 1: Teroka Diri	84	Diterima.
Sesi 2: Penyesuaian Diri	82	Diterima.
Sesi 3: Matlamat Diri	81	Diterima.
Sesi 4: Strategi Diri	82	Diterima.
Sesi 5: Mantap Diri	87	Diterima.
Ses 6: Kuasai Diri	86	Diterima.
Sesi 7: Diri Yang Baharu	88	Diterima.
Keseluruhan	84.2	

Berdasarkan Jadual 3, peratusan keseluruhan sesi dan aktiviti Modul Kaunseling SoF-Ea melebihi 80 peratus bagi setiap sesi dan aktiviti. Peratusan minimum 81 peratus adalah bagi sesi dan aktiviti Matlamat Diri manakala peratusan maksimum 88 peratus bagi sesi dan aktiviti Diri Yang Baharu. Hal ini menunjukkan bahawa Modul Kaunseling SoF-Ea mempunyai kesahan kandungan yang tinggi bagi setiap sesi dan aktiviti.

Kebolehpercayaan Modul Kaunseling SoF-Ea

Kebolehpercayaan merujuk kepada sejauh mana ujian secara konsisten mengukur apa yang harus diukur (Gay et al., 2012). Mohd Majid (2012) mencadangkan bahawa tahap *Alpha Cronbach* 0.60 ke atas mempunyai kebolehpercayaan nilai α yang tinggi. Dapatan pengujian kebolehpercayaan keseluruhan modul telah dijalankan kepada pelajar dan dianalisis menggunakan *Alpha Cronbach* seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Keseluruhan Modul Kaunseling SoF-Ea

Modul	Nilai α
Modul Kaunseling SoF-Ea untuk penyesuaian pelajar di IPG	.872

Jadual 4 menunjukkan bahawa dapatan analisis nilai *Alpha Cronbach* .872 iaitu melebihi .60 bagi nilai kebolehpercayaan bagi keseluruhan Modul Kaunseling SoF-Ea ini. Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi setiap sesi dan aktiviti dalam Modul Kaunseling SoF-Ea.

Jadual 5 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Sesi dan Aktiviti Modul Kaunseling SoF-Ea

Sesi/Aktiviti	Nilai α
Sesi 1: Teroka Diri	.746
Sesi 2: Penyesuaian Diri	.915
Sesi 3: Matlamat Diri	.831
Sesi 4: Strategi Diri	.899
Sesi 5: Mantap Diri	.923
Sesi 6: Kuasai Diri	.889
Sesi 7: Diri Yang Baharu	.902
Nilai keseluruhan	.872

Berdasarkan kajian rintis Modul Kaunseling SoF-Ea, nilai kebolehpercayaan minimum ialah .746 bagi sesi dan aktiviti Teroka Diri dan nilai kebolehpercayaan maksimum ialah .923 bagi sesi dan aktiviti Mantap Diri. Dapatan ini menunjukkan bahawa Modul Kaunseling SoF-Ea boleh diterima dan dipercayai serta boleh digunakan sebagai intervensi untuk meningkatkan penyesuaian pelajar.

Dapatan penilaian kesahan kandungan oleh penilai pakar menunjukkan bahawa kandungan modul ini sesuai dengan populasi sasaran dan memenuhi keperluan objektif yang digariskan serta peruntukan masa yang ditetapkan juga sesuai. Hal ini bertepatan dengan pandangan Russell (1974), yang menyatakan bahawa modul yang telah melalui penilaian kesahan mesti mencapai lima perkara iaitu, memenuhi populasi sasaran, situasi pengajaran yang sesuai atau kaedah pelaksanaan modul, waktu yang diperuntukkan untuk menjalankan modul sudah mencukupi, modul dapat meningkatkan pencapaian pelajar yang disasarkan dan modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah lebih cemerlang.

Di samping itu, kebolehpercayaan keseluruhan modul adalah tinggi iaitu 0.872. Menurut Mohd Majid (2000), jika nilai kebolehpercayaan yang diperoleh adalah tinggi, atau sekurang-kurangnya 0.60, ini bermaksud bahawa modul mempunyai tahap konsistensi yang baik. Hal ini menjelaskan bahawa Modul Kaunseling *SoF-Ea* untuk membantu meningkatkan penyesuaian pelajar dapat diterima dan dapat digunakan sebagai intervensi penyesuaian. Selanjutnya, proses mendapatkan nilai kebolehpercayaan ini sesuai dengan apa yang telah dilakukan oleh penyelidik sebelumnya terhadap modul mereka iaitu Mohamad Aziz Shah (2010), Md Noor Saper (2012) dan Mohd Izwan Mahmud (2017).

Kajian ini mempunyai implikasi terhadap praktis dan teori. Dari aspek praktikal, kajian telah membuktikan bahawa Modul Kaunseling *SoF-Ea* Pelajar mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan kata lain, modul ini telah diperakui sesuai dengan kumpulan sasaran. Selain daripada komuniti pelajar di institut pendidikan guru, modul ini juga boleh digunakan untuk pelajar institusi pendidikan lain. Selain itu, Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian berorientasikan pendekatan berasaskan kekuatan yang memberi fokus kepada penyelesaian masalah dengan menekankan kepada pembinaan penyelesaian terhadap masalah penyesuaian. Elemen seni kreatif dalam Terapi Seni pula berupaya membantu individu menyelesaikan konflik, masalah dan membina persepsi baharu yang membawa kepada perubahan positif lalu membantu pelajar melakukan perubahan serta berupaya menyesuaikan diri dalam fasa transisi.

Kesimpulan

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa Modul Kaunseling *SoF-Ea* yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 88.4 peratus bagi kesahan kandungan dan nilai *Alpha Cronbach* .872 bagi kebolehpercayaan. Oleh itu, modul ini sedia digunakan untuk membantu meningkatkan penyesuaian pelajar tahun pertama di IPG pada fasa transisi. Modul ini juga boleh diaplikasikan kepada pelajar tahun pertama di institut pengajian tinggi yang lain kerana kandungan modul ini berfokus meningkatkan penyesuaian pelajar tahun pertama. Integrasi elemen kreatif dan teknik serta pendekatan terapi *brief* fokus penyelesaian berupaya membantu pelajar meneroka isu penyesuaian yang dihadapi, mengenal pasti kekuatan diri, menetapkan usaha untuk melakukan perubahan dan menangani cabaran penyesuaian dengan positif. Integrasi pendekatan terapi *brief* fokus penyelesaian dan terapi seni ini juga memberi peluang ahli kelompok berbincang tentang penyelesaian dan perubahan berbanding berbincang tentang masalah yang mereka hadapi melalui proses kreatif dalam suasana yang menyeronokkan. Aktiviti terapi seni memberi peluang kepada ahli kelompok untuk mengekspres diri secara dramatik, penuh perasaan dan berwarna-warni. Mereka juga dapat melepaskan perasaan, meluahkan secara bukan lisan (*nonverbal*) dan seterusnya mendapat celik akal apabila melihat hasil seni yang dihasilkan. Modul ini juga adalah sistematik sebagai panduan kepada kaunselor untuk membantu pelajar pada fasa transisi. Fokus modul ini hanya mengintegrasikan terapi seni dan terapi *brief* fokus penyelesaian. Justeru, diharapkan kajian akan datang mengintegrasikan pendekatan lain seperti terapi bermain, terapi muzik dan pergerakan, serta terapi naratif dalam usaha membantu pelajar membuat penyesuaian diri di alam kampus pengajian tinggi yang semestinya berbeza di alam persekolahn.

Rujukan

- Aminah Hasbullah, Irma Wani Othman, Norazah Mohd Suki, Muhammad Safuan Yusuff, Herlina Jupiter, Rudie Adie Razak. (2016). *Pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Sabah*. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 11 (2017). pp. 77-85. ISSN 1985-482X. Diakses daripada <http://eprints.ums.edu.my/19550/>
- Ashwini, R., & Barre, V. . (2014). *Stress and adjustment among college students in relation to their academic performance*. 5(3), 288–292.
- Aspinwall, L. G., & Taylor, S. E. (1992). Modeling Cognitive Adaptation: A Longitudinal Investigation of the Impact of Individual Differences and Coping on College Adjustment and Performance. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63(6), 989–1003. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.63.6.989>
- Baker, R.W, & Siryk, B. (1999). *SACQ: Student adaptation to college questionnaire manual*. Los Angeles: Western Psychological Services.
- Cousins, C., Servaty-seib, H. L., & Lockman, J. (2015). College Student Adjustment and Coping : Bereaved and Nonbereaved Students, 1–24. <https://doi.org/10.1177/0030222815598911>
- Darlow, V., Norvilitis, J. M., Schuetze, P., & Schuetze, P. (2017). The Relationship between Helicopter Parenting and Adjustment to College, 2291–2298. <https://doi.org/10.1007/s10826-017-0751-3>
- Dastbaz, A. (2014). The effect of " solution - focused " group counseling on adjustment and self-efficacy of high school male students in shahriar city, 15(1), 90–98.
- Dawborn-Gundlach, L. M. (2015). *The experience of transition and adjustment for mature-age, undergraduate students in their first year of university* (University of Melbourne). Accessed from <https://minerva-access.unimelb.edu.au/handle/11343/91743>.
- Huon, G., & Sankey, M. (2000). The transition to university. Understanding differences in success. In *6th Pacific Rim First Year in Education Conference: Changing Agendas, University of Canterbury, Christchurch, New Zealand*, 8–10.
- Jamaludin Ahmad. (2002). *Kesahan, kebolehpercayaan dan keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah negeri Selangor*. Universiti Putra Malaysia.
- Julia, M., & Veni, B. (2012). An analysis of the factors affecting students' adjustment at a University in Zimbabwe. *International Education Studies*, 5(6), 244–250. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n6p244>
- Kantanis, T. (2002). Same or different: Issues that affect mature age undergraduate students' transition to university. In *6th Proceedings, Pacific Rim, First Year in Higher Education Conference: Changing Agendas-Te Ao Hurihuri*, 5(7).
- Margetts, K. (2005). Children's adjustment to the first year of schooling: Indicators of hyperactivity, internalizing and externalizing behaviour. *International Journal of Transitions in Childhood*, 1, 36-44.

- Martin, W. E., Swartz-Kulstad, J. L., & Madson, M. (1999). Psychosocial Factors That Predict the College Adjustment of First-Year Undergraduate Students: Implications for College Counselors. *Journal of College Counseling*, 2(2), 121–133. <https://doi.org/10.1002/j.2161-1882.1999.tb00150.x>
- Measor, Lynda & Wilcox, Paula & Frame, Philip. (2012). Transformation or Trauma: The Transition to Higher Education of Non-Traditional Students. 10.1057/9781137283412_9.
- Mcdonough, K. L. (2008). *Florida State University libraries case studies of art therapy as a tool to aide adjustment to college by*. Florida State University.
- Md Noor Saper. (2012). *Pembinaan modul bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs' dan kesannya ke atas religiosity dan resiliensi remaja*. Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Aziz Shah Mohamed Arip. (2010). *Kesan kelompok bimbingan ke atas konsep sendiri, kelangsangan dan resiliensi di kalangan remaja*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izwan Mahmud. (2017). *Kesan program kerjaya psiko pendidikan cognitive information processing terhadap ketidakfungsian pemikiran kerjaya dan efikasi sendiri kerjaya pelajar di sebuah universiti awam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. 4th Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moosa. A, Koorankot. J, Nigesh. K. (2017). Solution focused art therapy among refugee children. *Indian Journal of Health & Wellbeing* . 2017, Vol. 8 Issue 8, p811-816. 6p
- Nasrudin Subhi, Lee Chui Pei, Salina Nen, Norshaffika Izzaty Zaiedy Nor, Khadijah Alavi & Norulhuda Sarnon. (2011). Penyesuaian Diri dan Cara Gaya Tindak Pelajar Sabah dan Sarawak di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil 1 : 69-79.
- Nims, D. R. (2007). Integrating play therapy techniques into solution-focused brief therapy. *International Journal of Play Therapy*, 16(1), 54–68. <https://doi.org/10.1037/1555-6824.16.1.54>
- Nor Hashimah Abu Bakar, Zulkifley Mohamed & Siti Ilyana Mohd Yusof. (2015). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, (April), 1–12.
- Noor Azniza Ishak. (2005). *Perbandingan kesan intervensi kelompok singkat fokus REBT dan tingkah laku terhadap salah penyesuaian*. Universiti Sains Malaysia.
- Nyamayaro, P. C., & Saravanan, C. (2013). The relationship between adjustment and negative emotional states among first year medical students. *Asian Journal of Social Science & Humanities*, 2(3), 270–278.
- Parameswaran, E.G. & Beena, C. (2004). *An invitation to psychology*. Hyderabad: Neelkamal Publication Pvt. Ltd.
- Quan, L., Zhen, R., Yao, B., & Zhou, X. (2014). The effects of loneliness and coping style on academic adjustment among college freshmen. *Social Behavior and Personality: An international journal*, 42(6), 969-978.

- Ribbe, R. J., Cyrus, R., & Langan, E. (2016). Exploring the Impact of an Outdoor Orientation Program on Adaptation to College. *Journal of Experiential Education*, (1991), 1–15. <https://doi.org/10.1177/1053825916668900>
- Rusell, J.D. (1974). *Modular instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. United States:Publishing Company
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). Pembinaan modul: bagaimana membina modul latihan dan modul akademik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tengku Norhani Tengku Besar & Nor Shafrin Ahmad. (2019). Penyesuaian dan resiliensi pelajar tahun pertama di institut pendidikan guru. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tengku Norhani Tengku Besar, Nor Shafrin Ahmad & Shahabuddin Hashim. (2020). Transisi pelajar tahun pertama di institut pendidikan guru: Cabaran dan strategi penyesuaian akademik dan sosial. *Jurnal IPDA (in press)*.